

PENYEDIAAN RINGKASAN PROJEK (PROJECT BRIEF)  
BAGI PROJEK PEMBINAAN

CHONG JIA MIN

Laporan projek ini dikemukakan  
sebagai memenuhi sebahagian daripada syarat  
penganugerahan ijazah Sarjana Muda Ukur Bahan

Fakulti Alam Bina  
Universiti Teknologi Malaysia

MEI 2011

## **PENGHARGAAN**

Atas kejayaan penulisan Kertas Projek ini, penulis ingin merakamkan setinggi-tinggi penghargaan kepada semua pihak yang memberi bantuan kepada penulis, sama ada dalam bentuk data, idea, cadangan atau komen-komen yang bernas.

Di sini, saya ingin mengambil kesempatan untuk mengucapkan ribuan terima kasih dan setinggi-tinggi penghargaan kepada PM. Dr. Razali Bin Adul Hamid atas dorongan, nasihat, cadangan dan bimbingan yang diberikan oleh beliau sepanjang masa penyelidikan Projek Sarjana Muda Ukur Bahan ini. Kesudian beliau meluangkan masa untuk membincang dengan saya amatlah dihargai. Selain itu, saya juga ingin berterima kasih kepada Dr Muhammad Zaly Shah Muhammad Hussein yang sudi meluangkan masa untuk memberi penerangan kepada saya mengenai ujian Kruskal-Wallis dan ujian Mann-Whitney bagi tujuan menganalisa data.

Akhir sekali, penghargaan juga ditujukan kepada rakan-rakan seperjuangan yang memberi pandangan dan cadangan dalam kajian penyelidikan ini. Akhir sekali, saya ingin mengucapkan ribuan terima kasih kepada semua ahli keluarga saya terutamanya ibu saya atas sokongan yang telah diberikan di sepanjang masa penyelidikan ini.

## **ABSTRAK**

Ringkasan projek merupakan sebuah dokumen formal yang menerangkan segala kehendak klien, tujuan dan fungsi projek pembinaan. Ringkasan projek yang merupakan titik permulaan bagi sesebuah projek pembinaan amat penting bagi memastikan kejayaan projek pembinaan. Namun, ringkasan projek pada masa kini sering gagal untuk memberi definisi yang optimum dan kekurangan permahaman terhadap keperluan klien. Hal ini telah membawa kesan ketidakpuasan kepada klien mahupun pengguna akibat bangunan yang dibina tidak memenuhi kehendaknya. Dengan itu, satu kajian telah dijalankan untuk mengenalpasti amalan penyediaan ringkasan projek bagi projek pembinaan dan mengenalpasti masalah dalam proses penyediaan ringkasan projek. Kajian ini bertumpu kepada klien, arkitek, dan jurutera di mana sebanyak 200 borang soal selidik telah diedarkan kepada responden. Kaedah min, ujian Kruskal-Wallis dan Ujian Mann-Whitney telah digunakan bagi tujuan penganalisisan. Hasil kajian menunjukkan bahawa komunikasi yang efektif antara pihak yang terlibat dalam proses penyediaan ringkasan projek merupakan amalan yang paling penting dalam proses penyediaan ringkasan projek. Walaubagaimanapun, masalah yang sering timbul dalam proses penyediaan ringkasan projek adalah masalah komunikasi antara pihak yang terlibat dalam proses penyediaan ringkasan projek. Maka, hasil kajian ini diharap dapat memanfaatkan para klien dan perunding supaya dapat menghasilkan ringkasan projek yang efektif dan dapat memenuhi kehendak klien mahupun pengguna.

## **ABSTRACT**

Project brief can be described as a formal document that explains all the requirements of clients, purpose and function of the project. It is a document that serves as a starting point for a project which is very important to ensure the success of a construction project. However, the project brief often fails to provide the optimum definition and fails to understand the client's needs. This lead to client or user dissatisfaction due to the constructed buildings does not meet their requirements. Consequently, a study was conducted which the objectives are to identify practices in preparing a project brief and to identify problems in the process of preparing a project brief. This study was focused on the category of client, architect, and engineer in which 200 sets of questionnaires were distributed to respondents. Method of Mean, Kruskal-Wallis Test and Mann-Whitney Test were used for analysis purposes. The findings of the study show that effective communication between parties involved is the most important practices in the process of preparing a project brief. Meanwhile, problems that often arise in the process of preparing a project brief is communication problems between the parties involved in the process of preparing a project brief. Hopefully, the outcome of this research will benefit its clients and consultants in order to produce an effective project brief and meet the needs of clients or users.